

Kerajaan negeri cadang cari penempatan baharu

Alor Setar: Kerajaan negeri ber-cadang mencari penempatan baharu kepada mangsa banjir selepas rumah mereka dikenal pasti tidak lagi selamat untuk didiami.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata laporan cadangan tapak penempatan baharu itu dijangka diperoleh daripada Pegawai Daerah Baling, Mohd Shahadan Abdullah pada Rabu depan.

"Sebelum ini kita memang ada rancangan untuk pindahkan keluarga yang rumah mereka berisiko ditenggelami air dan kita memang sedia maklum

mengenai perkara ini.

"Cuma kita perlu cari tempat baharu kerana penempatan di Desa KEDA Sadek di Kupang, di sini sudah penuh," katanya ketika dihubungi semalam.

Jejas 300 penduduk

Banjir kilat yang melanda sembilan kampung di Mukim Kupang, petang semalam, menjejaskan 75 keluarga membabitkan 300 penduduk.

Penghulu Mukim Kupang, Badrul Hisham Che Li berkata, kampung terbabit ialah Kampung Iboi, Lata Chelak, Padang Empang, Masjid Iboi,

Bendang Padang, Bendang Bechah, Jerai, H Angus dan Bukit Hijau.

Beliau berkata, satu pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka bagi menempatkan 19 keluarga daripada 58 mangsa yang terjejas teruk.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi berkata jumlah keluarga yang akan dipindahkan ke penempatan baharu itu belum ditentukan berikutan kerja-kerja bancian masih dijalankan oleh pihak berwajib.

Katanya, pihaknya sangat berharap penduduk yang tinggal berhampiran sungai dan

berisiko banjir mematuhi arahan pihak berkuasa untuk berpindah segera sekiranya hujan berlarutan.

Ikut arahan pihak berkuasa

"Penduduk di tepi sungai hendaklah sentiasa berjaga-jaga, ikut arahan pihak berkuasa jika diarahkan berpindah.

"Jaga anak-anak supaya tidak bermain di tepi sungai terutamanya ketika cuaca mendung atau hujan," katanya.

Sementara itu, Muhammad Sanusi turut memaklumkan majlis pecah tanah bagi penempatan baharu 17 keluarga mang-

sa banjir pada 4 Julai lalu dijangka diadakan pada Rabu depan.

Dalam kejadian bencana banjir dan kepala air pada 4 Julai lalu di Baling, tiga nyawa termasuk wanita hamil empat bulan terkorban dan turut memusnahkan 17 buah rumah dan 800 lagi rumah terjejas.

Pada 14 Julai lalu, media melaporkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) akan membina rumah baharu untuk 17 keluarga yang hilang tempat tinggal dalam bencana banjir dan kepala air di Baling pada 4 Julai lalu.